



BULETIN

**JKSM**

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
(JABATAN PERDANA MENTERI)**

ISSN-1511-7839

Bil. 4 (Januari-Jun 2002)

**ORGANISASI BARU JKSM:  
SATU KEJAYAAN BERSAMA SERIBU CABARAN  
INSTITUSI KEHAKIMAN SYARIAH NEGARA**



Tahun 2002 merupakan tahun cemerlang bagi JKSM yang telah berjaya dalam usaha penyusunan semula organisasi dan perluasan fungsinya dalam membuka dimensi baru bagi menggilapkan lagi visi serta misi sebagai agensi pusat yang establish bagi institusi kehakiman syariah di negara ke arah era globalisasi. Organisasi baru ini jelas memperlihatkan pemerhatian serius Kerajaan Persekutuan dalam usaha mempertingkatkan martabat institusi kehakiman syariah seiring dengan kemajuan umat Islam di negara serta kemajuan pesat dalam Perkhidmatan Awam. Segala butiran memorandum cadangan penyusunan semula organisasi serta perluasan fungsi yang dikemukakan oleh JKSM kepada Jabatan Perkhidmatan Awam telah berjaya diberikan kelulusan sepenuhnya dan ini telah menyaksikan penubuhan beberapa cawangan serta unit yang baru dengan pertambahan perjawatan sebanyak 112 jawatan baru serta kenaikan taraf (up-grading) dalam banyak jawatan. Hakikatnya kejayaan ini juga sebenarnya merupakan bermulanya seribu cabaran baru bagi seluruh warga JKSM bagi mempastikan segala matlamatnya dapat dipenuhi serta hasilnya dapat dipersaksikan oleh seluruh umat Islam di Negara serta menjadi model kepada Negara Islam yang lain.

## Sidang Redaksi

### Penaung / Penasihat

YAA Dato' Sheikh Ghazali  
Hj. Ab. Rahman

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie

### Ketua Pengarang

Mohamad Haji Abdullah

### Sidang Pengarang

Nassir Hj. Abdul Aziz  
Mohd Amran Mat Zain  
Azmee Haji Hussin  
Sukarno Osman

### Produksi dan Edaran

Hj. Hasbullah Hassan  
Ramlah Endut  
Rathanah Abd. Hamid

### Jurugambar

Anauar Haji Idris

### Susunatur dan Grafik

Azmee Haji Hussin  
Noor Fazlida Hamdan

### Buletin ini diterbitkan oleh;

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Malaysia  
62677 PUTRAJAYA  
Tel: 03-8886 4800 Fax: 03-8889 1627  
e-mail: mampusrv.edu.a.mmu/jksm

JD104587 - PNMB.. K.L.

### Dari Meja Ketua Pengarang

**A**ntara keagungan syariat Islam ialah sifatnya yang tidak memisahkan antara tuntutan material dengan kerohanian dan antara dunia dengan akhirat. Malah Islam melihatnya dalam satu kesatuan yang saling melengkapi antara hak manusia terhadap TuhanYa, diri sendiri dan terhadap orang lain. Dengan demikian, seseorang itu dapat menjalani kehidupan sehari-hari bergantung kepada kemampuan serta keinginannya berdasarkan kepada asas Islam yang bersesuaian dan bertepatan dengan fitrah dan realiti kehidupan.

Syariat Islam yang lengkap tidak mensyariatkan sesuatu tegahan secara mutlak, umpamanya menjalani kehidupan seperti paderi atau memencilkan diri dari masyarakat. Dalam waktu yang sama, Islam tidak mengizinkan manusia tenggelam dalam kehidupan materialistik dan melupakan TuhanYa serta kehidupan akhirat. Bahkan seseorang itu hendaklah seimbang dalam setiap perkara, menunaikan hak-hak Allah, hak dirinya dan hak orang lain tanpa mengabaikan mana-mana satu kewajipan dengan hanya melakukan kewajipan yang lain. Al-Qur'an menyeru ke arah perseimbangan antara kebendaan dan kerohanian dalam ayat-ayat yang menyentuh perasaan serta hati sebelum membicarakan tentang akal manusia.

Dalam peringatannya tentang kewajipan melaksanakan hak Allah untuk beribadah ketika tenggelam dalam kemelut pekerjaan dunia dan tuntutan perniagaan. Allah S.W.T. berfirman di dalam Surah an-Nur ayat 37 maksudnya: 'Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan jual beli dari mengingati Allah, mendirikan solat, membayar zakat, merasa takut kepada satu hari di mana hati dan penglihatan menjadi berubah-ubah'.

Kesimpulannya, Islam telah meletakkan beberapa asas kukuh serta dasar yang wujud untuk membina kesempurnaan peribadi manusia agar mereka bangkit bersama-sama risalah dan tugasnya dalam menjalani kehidupan berlandaskan kaedah yang paling sempurna. Wallahu'alam.



## PERUTUSAN KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE

**A**lhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. di atas segala kurniaan dan kenikmatan yang telah dikehendaki oleh kita semua. Selawat dan salam di atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga dan para sahabat yang telah memberi petunjuk dalam syariat Islam hingga ke hari ini.

Saya mengambil kesempatan di sini merakamkan kesyukuran di atas kejayaan JKSM memperolehi kelulusan bagi penyusunan semula organisasi serta perluasan fungsi melalui Waran Perjawatan Bil. A 10 Tahun 2002 yang dapat menyaksikan pertambahan besar perjawatan baru dengan penubuhan beberapa cawangan dan unit yang baru. Dengan kejayaan ini, dapatlah JKSM bergerak dengan lebih berkesan serta melaksanakan segala objektif sesuai dengan perkembangan semasa dalam kemajuan Perkhidmatan Awam di Malaysia. Kejayaan ini juga merupakan kejayaan semua pihak yang telah berusaha memberikan kerjasama penuh kepada JKSM dalam mempertingkatkan martabat institusi kehakiman syariah di negara ini. Kita percaya, dengan semangat ukhuwah serta kesedaran banyak pihak tentang kepentingan institusi kehakiman syariah di negara ini akan mampu menyerlahkan lagi syiar Islam di serata dunia kini.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia, Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia serta Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan perhatian serius di atas Memorandum yang dikemukakan oleh pihak JKSM sebelum ini.

Saya berdoa semoga Allah S.W.T. memberkati segala usaha kita selama ini dan juga mengharapkan kepada semua warga kerja JKSM dan Mahkamah Syariah di negara ini dapat melaksanakan tugas dengan lebih gigih dan tekun dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan cemerlang.

Sekian. Wassallam.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"SYARIAH ASAS KEADILAN"**


**DATO' SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN,**  
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie,  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

**KRONOLOGI KELULUSAN  
CADANGAN PENYUSUNAN SEMULA & PERLUASAN FUNGSI  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
TAHUN 2002**

- A. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah ditubuhkan pada Julai, 1998 dan telah dirasmikan penubuhannya pada 15 Disember, 1998 oleh Yang berhormat Dato' Paduka Dr. Abdul Hamid bin Othman, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu;
- B. Waran Perjawatan Bil. 57 Tahun 1998 telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 1 Mei, 1998. Seterusnya Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan pengisian jawatan di JKSM sebanyak 15 jawatan dan diketuai oleh seorang Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie dengan Gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) 'B';
- C. Walau bagaimana pun, setelah beberapa tahun beroperasi, didapati JKSM menghadapi masalah kekurangan tenaga pegawai dan kakitangan sokongan bagi melaksanakan fungsi serta objektif Jabatan;
- D. Pada bulan Januari, 1999, JKSM dengan persetujuan dan kelulusan Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) satu kertas cadangan rayuan bagi permohonan pewujudan jawatan. Pihak JPA telah bersetuju meluluskan cadangan permohonan tersebut melalui surat JPA(G) 253/2/8-10(4) bertarikh 19 November, 1999 ;

- E. Berikutan kelulusan JPA tersebut, sebuah jawatankuasa penyusunan semula struktur perjawatan JKSM telah ditubuhkan dipengerusikan oleh Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali bin Haji Ab. Rahman, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM bagi melaksanakan keputusan Jemaah Menteri pada 2 Julai, 1996 yang lalu. Dalam mesyuarat pertama jawatankuasa tersebut pada 20 September , 2000 telah menghasilkan satu ketetapan persetujuan supaya kertas cadangan penyusunan semula berdasarkan carta organisasi yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri iaitu sebanyak 130 jawatan berserta beberapa pindaan gred jawatan yang perlu seperti Penasihat Undang-undang, Pegawai Sistem Maklumat, Pegawai Perpustakaan, Pegawai Penyelidik Kanan kepada Ketua Pengarah dan lain-lain jawatan baru ;
- F. JKSM telah menyediakan Memorandum Cadangan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi JPA iaitu Memorandum Cadangan Penyusunan Semula Organisasi dan Perluasan Fungsi Baru JKSM ;
- G. Beberapa siri perbincangan di antara pegawai JKSM dengan pegawai dari Bahagian Pembangunan Organisasi JPA telah diadakan bagi mengkaji kedua-dua deraf memorandum tersebut ;
- H. Kemuncaknya adalah mesyuarat yang telah diadakan pada 5 April, 2001 di pejabat JKSM tingkat 3, Rumah Persekutuan, Jalan Hishamuddin, Kuala Lumpur di antara JPA dan JKSM di mana mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Ismail bin Adam, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Manakala JKSM diketuai oleh Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali bin Hj. Ab. Rahman, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie ;
- I. Pada 17 Januari, 2002 Kelulusan Waran Perjawatan Bil. A10 Tahun 2002 telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan BR(2.00)201/14/3-18(44) bertarikh 21 Januari, 2002 mengenai kelulusan penyusunan semula organisasi serta perluasan fungsi JKSM di mana sebanyak 112 jawatan baru beserta up-greding beberapa jawatan sepatimana yang dipohon telah diluluskan.


**CARTA  
STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN & CAWANGAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (Waran Perjawatan Bil. A 10 Tahun 2002)**



**CARTA BARU STRUKTUR ORGANISASI  
BAHAGIAN KEHAKIMAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

---


LAMPIRAN A-2




**CARTA BARU STRUKTUR ORGANISASI  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI ICT  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

---

LAMPIRAN D-1




**CARTA BARU STRUKTUR ORGANISASI  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
CAWANGAN LATIHAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**




**CARTA BARU STRUKTUR ORGANISASI  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
CAWANGAN PENDAFTARAN KES RAYUAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

LAMPIRAN E-1




**CARTA BARU STRUKTUR ORGANISASI  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
CAWANGAN PEYELIDIKAN  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**




**CARTA BARU STRUKTUR ORGANISASI  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
CAWANGAN PUSAT SUMBER  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

LAMPIRAN F-1



**CARTA BARU ORGANISASI BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
CAWANGAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA  
ABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**



**FUNGSI CAWANGAN-CAWANGAN  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

LAMPIRAN A-2 (1)

**CAW. LATIHAN**

**A. UNIT LATIHAN KEHAKIMAN / DASAR**

1. Merancang dan Melaksanakan kurikulum latihan dan kursus kepada pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah di seluruh negara;
2. Merangka dan membangunkan sistem latihan bersepadu kepada Hakim-Hakim Mahkamah Syariah di seluruh negara;
3. Melaksanakan segala tindakan yang diputuskan oleh pihak dasar berkaitan latihan kehakiman syariah.

**B. UNIT LATIHAN KERJAYA & SOKONGAN**

1. Merancang dan melaksanakan latihan kerjaya di dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah dan lain-lain perkhidmatan yang sama kaitan di kalangan seluruh pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah di seluruh negara;
2. Melaksanakan program latihan anjuran lain-lain agensi kerajaan/swasta secara kerjasama.

**CAW. PENDAFTARAN KES RAYUAN**

**A. UNIT REKOD & PROSIDING MAL**

1. Mengendalikan semua kes rayuan mal dari Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
2. Menyedia dan mengawal selia laporan bulanan / tahunan kes mal di Mahkamah Syariah Negeri-negeri

**B. UNIT REKOD & PROSIDING JENAYAH**

1. Mengendalikan semua kes rayuan mal dari Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
2. Menyedia dan mengawal selia laporan bulanan / tahunan kes mal di Mahkamah Syariah Negeri-negeri.

**CAW. PENYELIDIKAN**

**A. UNIT PENYELIDIKAN I  
HALEHWALMAHKAMAH SYARIAH NEGERI**

- Menjalankan penyelidikan di dalam bidang statistik kes, prosiding perbincangan dan penghakiman di Mahkamah Syariah di Malaysia

**B. UNIT PENYELIDIKAN II  
UNDANG-UNDANG SYARIAH  
NEGARA & ANTARABANGSA**

- Menjalankan penyelidikan di dalam bidang perundangan melalui Akta / Enakmen dalam kaitannya dengan sistem kehakiman Islam bagi membangunkannya ke arah kehakiman yang toleran dan dipatuhi. Hasil kajian akan digunakan di Pusat Sumber Jabatan dan lain-lain pihak yang memerlukan.

**C. UNIT PENYELIDIKAN III  
TERJEMAHAN KITAB-KITAB RUJUKAN  
ARAB BERKAITAN HUKUM SYARIAH**

- Menjalankan penterjemahan kitab-kitab Turath berbahasa Arab yang mengandungi segala hukum-hakam berkaitan sistem kehakiman Islam ke dalam Bahasa Malaysia untuk kegunaan Pusat Sumber Jabatan dan lain-lain pihak yang memerlukannya.

**FUNGSI CAWANGAN-CAWANGAN  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN / DASAR  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

**CAW. PENTADBIRAN  
DAN  
SUMBER MANUSIA**

**A. UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

1. Pembangunan Organisasi
  - menyelaras, mengurus permohonan perjawatan; mengemaskini/memantau perubahan perjawatan;
  - memantau/mengkaji sistem prestasi kompetensi perancangan sumber manusia
2. Pengurusan Personel
  - merancang keperluan tenaga manusia urusan pengambilan dan pengisian jawatan sokongan 2 pengurusan penempatan tatatertib dan kaunseling pengurusan prestasi kebaikan dan sosial kakitangan
  - 3. Kewangan
    - penyeliaan anggaran belanjawan mengawasi peruntukan dan perbelanjaan urusan gaji dan elauan bayaran bil sebutharga untuk barang-barang bekalan kerja-kerja pembaikan

**CAW. TEKNOLOGI MAKLUMAT  
& KOMUNIKASI ICT**

**A. UNIT PEMBANGUNAN MAKLUMAT**

- merangka dan membangunkan format sistem maklumat berkomputer di JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
- merangka dan memproses maklumat-maklumat dan data-data berkaitan kes-kes di Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
- merangka dan menyelia maklumat-maklumat berkaitan Akta & Enakmen Syariah seluruh Negeri-negeri untuk dimasukkan di Laman Web JKSM

**B. UNIT TEKNIKAL**


- merangka dan membangunkan keperluan sistem berkomputer di JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
- memberikan perkhidmatan teknikal dalam sistem maklumat berkomputer di JKSM;
- mewujud dan menyelia Laman Web JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri

**CAW. PUSAT SUMBER**

**A. UNIT PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG**

- membangunkan sistem perpustakaan undang-undang di JKSM;
  - membantu menyelia perpustakaan di Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
  - mengumpulkan segala ground-judgement kes-kes rayuan syariah.
- B. UNIT PENERBITAN & DOKUMENTASI**
- menjalankan tindakan penerbitan buku-buku ilmiah berkaitan sistem kehakiman Islam
  - menguruskan penerbitan majalah Buletin dan Laporan Tahunan Jabatan setiap tahun;
  - menerbitkan risalah-risalah untuk orang awam berkaitan perkhidmatan di Mahkamah Syariah serta aspek-aspek lain.
- B. UNIT PERHUBUNGAN AWAM**
- menjalankan tugas perhubungan awam Jabatan dan bertugas di dalam sidang Parlimen

## SIMPOSIUM KEBANGSAAN e-FARAID



JKSM dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains & Matematik, Universiti Sains Malaysia telah menganjurkan Simposium Kebangsaan e-Faraid pada 25 - 26 Januari, 2002 bertempat di USIM, Pulau Pinang. Simposium telah dirasmikan oleh Tuan Yang Di Pertua Pulau Pinang Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas . Simposium ini telah dihadiri oleh kira-kira 150 peserta yang terdiri daripada Y.A. A. Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri, para pegawai syariah, pegawai Jabatan Kerajaan dan para pegawai syarikat perbadanan seperti Bank Negara dan lain-lain lagi. Turut hadir adalah Naib Canselor USM Y.Bhg. Prof. Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak serta Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali bin Hj. Ab. Rahman. Majlis penutupan simposium telah dilakukan oleh Y.B. Dato' Haji Noh bin Haji Omar, Setiausaha Parliment di Jabatan Perdana Menteri. Satu resolusi telah dicapai dan akan diserahkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk penimbangan.

## MESYUARAT JAWATANKUASA DASAR PEMBANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA



Mesyuarat J/Kuasa Dasar Pembangunan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia telah diadakan pada 30 Januari, 2002 bertempat di JKSM dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM. Di antara ahli jawatankuasa yang hadir adalah Y.A.A. Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri-negeri, wakil JPM, MAMPU, ICU, UPE, UPP dan Ibupejabat JKR bagi membincangkan dasar pembangunan fizikal Mahkamah Syariah Negeri-negeri Seluruh Malaysia.

### BENGKEL MEDIASI



Pelaksanaan Sulh (Mediasi) merupakan core program JKSM pada tahun 2002 bagi dilaksanakan di seluruh Mahkamah Syariah Negeri-negeri sebagai salah satu kaedah yang mampu menyelesaikan kes-kes tertangguh. Bengkel Mediasi telah diadakan pada 4 - 6 Mac, bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dihadiri oleh 40 orang Hakim-hakim serta Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri. Bengkel telah menjemput Y.Bhg. Tuan Haji Salleh bin Buang selaku fasilitator. Di hari terakhir, satu forum diadakan dengan menjemput beberapa ahli perundangan dan akademik di antaranya Y.Bhg. Puan Zaitoon Othman, Puan Kamilia Ibrahim dan Prof. Madya Datin Siti Zulaikha binti Mohd Noor. Dipengerusikan oleh Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM.

### MUZAKARAH PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN & PROSEDUR



Muzakarah secara bersiri ini diadakan bagi membincangkan undang-undang keterangan dan prosedur. Ianya telah diadakan pada 11 - 14 Mac, 2002 di Hotel Sheraton, W.P. Labuan yang dihadiri oleh Y.A.A. Ketua-ketua Hakim Syarie dan Y.A. Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri-negeri. Turut serta Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM selaku Penggerusi Muzakarah di samping Y.Bhg. Tuan Haji Salleh bin Buang selaku fasilitator.

### KURSUS PENGURUSAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN PEJABAT BIL. 1



Kursus ini telah diadakan pada 26 - 28 Mac, 2002 bertempat di Hotel De Palma Shah Alam telah dihadiri kira-kira 30 orang peserta yang di antaranya Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pendaftar, Penolong Pendaftar serta kakitangan sokongan. Objektif kursus bersiri ini adalah bagi memberikan pendedahan mengenai aspek integriti dan keselamatan pejabat di dalam pengurusan dan pentadbiran Mahkamah Syariah. Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut, Hakim Rayuan JKSM bagi mewakili Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM.

## Aktiviti JKSM

### KURSUS PEMAHAMAN BUKU KAUSA SIRI 1



Kursus ini telah diadakan pada 9 - 11 April, 2002 bertempat di Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang, Sepang. Peserta terdiri daripada Penolong Pendaftar, dan Pembantu Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-negeri bagi memberikan kefahaman berkenaan Buku Kausa. Majlis Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut, Hakim Rayuan JKSM bagi mewakili Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM. Di antara penceramah kursus yang dijemput adalah Tuan Mohamad Taifor bin Ahmad Rusdi, Tuan Haji Walid bin Abu Hassan dan Tuan Abu Bakar bin Haji Daud.

### MESYUARAT KETUA PENDAFTAR / PENDAFTAR BIL. 2/2002



Mesyuarat Ketua Pendaftar / Pendaftar Bil. 2 bagi tahun 2002 telah diadakan 22 April, 2002 bertempat di JKSM. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Mohamad bin Hj. Abdullah, Ketua Pendaftar JKSM.

### MAJLIS IKRAR & MENANDANTANGANI AKU JANJI WARGA JKSM



Majlis diadakan pada 28 April, 2002 oleh semua pegawai dan kakitangan JKSM di hadapan Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie.

## Aktiviti JKSM

### MESYUARAT KETUA-KETUA HAKIM SYARIE KALI KE 22 & MESYUARAT ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH BIL. 3



Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke 22 telah diadakan pada 6 Mei, 2002 manakala disusuli dengan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 3 pada tarikh 7 - 8 Mei, 2002. Di antara ahli mesyuarat yang dijemput hadir bersama adalah Y.Bhg. Tan Sri Datuk prof. Harun Mahmud Hashim, Puan Faridah binti Abrahim, Pengarah BBG dan wakil-wakil daripada Persatuan Peguam Muslim di antaranya Datin Zaitoon Othman, Tuan Hj. Sulaiman Abdullah, Prof. Haji Mohd Rafie Mohd Shafie , Dato' Kamilia Ibrahim serta Prof. Madya Datin Dr. Siti Zulaikhah binti Mohd Noor.

### MUZAKARAH PEMAHAMAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN & PROSEDUR BIL. 2



Muzakarah Siri Ke 2 ini telah diadakan pada 12 - 16 Mei, 2002 di Park Inn International, Kuala Terengganu telah dihadiri kira-kira 25 peserta di kalangan Hakim-hakim Syarie Negeri-negeri. Seperti biasa fasilitator Bengkel yang dijemput adalah Y.Bhg. Tuan Haji Salleh bin Buang. Turut serta adalah Y.A.A. Dato' Haji Abu Naim bin Hj. Ikhsan, Hakim Rayuan JKSM bagi mewakili Y.A.A. Ketua Pengarah.

### KURSUS PENGURUSAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN PEJABAT BIL. 2



Kursus bil. 2 ini telah diadakan pada 20 - 23 Mei, 2002 di City Hotel, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh kalangan Pegawai Syariah di Mahkamah Syariah dan Biro Bantuan Guaman. Di antara penceramah jemputan yang dijemput adalah pegawai dari BPR dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan.

## Aktiviti JKSM

### KURSUS PEMAHAMAN BUKU KAUSA BIL. 2



Kursus ini diadakan kali kedua pada peserta yang terdiri daripada kalangan Penolong Pendaftar serta Pembantu Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri-negeri kira-kira seramai 30 orang. Di antara penceramah jemputan adalah Tuan Hj. Abdul Walid bin Hj Abu Hassan, Tuan Mohamad Taifor bin Ahmad Rusdi dan Tuan Abu Bakar bin Hj. Mohd Daud. Kursus diadakan di Harvard Suasana Hotel, Sungai Petani, Kedah pada 10 - 12 Jun, 2002.

### LAWATAN PELAJAR UIA KE JKSM



Pada 27 Mei, 2002 JKSM telah menerima lawatan daripada kira-kira 70 orang pelajar UIA. Majlis taklimat telah disampaikan oleh Tuan Mohamad Haji Abdullah, Ketua Pendaftar dan turut disertai oleh Y.A.A. Dato' Haji Abu Naim bin Haji Ikhsan, Hakim Rayuan JKSM.

### LAWATAN ke JKSM



Pada bulan Jun yang lalu dua ahli rombongan daripada Pertubuhan Wanita Negara Sudan yang sedang dalam rangka lawatan anjuran JAKIM telah mengunjungi Y.A.A. Ketua Pengarah JKSM bagi mengenal pasti sistem pengurusan JKSM dan Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia.

## Aktiviti JKSM



### PERSIDANGAN e-SYARIAH PERINGKAT KEBANGSAAN

JKSM dengan kerjasama Sains Sarawak telah menganjurkan Persidangan e-Syariah pada 18 Jun, 2002 bertempat di Hotel Renaissance, Putrajaya dirasmikan oleh Y.A.A. Dato' Sheikh Ghazali Hj. Ab. Rahman, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie, JKSM. Persidangan ini telah dihadiri oleh semua Y.A.A. Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri-negeri serta para Pegawai Syariah kira-kira seramai 40 orang. Beberapa sesi pembentangan kertas kerja telah disampaikan di antaranya oleh Tuan Haji Jasmani bin Liki (Sains Sarawak), wakil daripada MAMPU dan lain-lain lagi. Objektif persidangan ini adalah bagi membincangkan rangka format e-Syariah sebelum dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Oktober, 2002 nanti.

## PEGAWAI & KAKITANGAN BARU JKSM

*(setakat Julai, 2002)*

BIL.	NAMA	JAWATAN DI JKSM	TARIKH LAPOR DIRI
1.	Y.A.A. Dato' Hj. Abu Naim bin Hj. Ikhsan	Hakim Rayuan (JUSA 'B')	1.11.2001
2.	Y.A.A. Datuk Hj. Ibrahim bin Lembut	Hakim Rayuan (JUSA 'B')	16.2.2002
3.	Tuan Haji Hasbullah bin Hassan (Kenaikan Pangkat)	Pengarah Caw. Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia (M2)	1.1.2002
4.	Encik Johari bin Hashim	Pengarah Cawangan ICT (F2)	16.4.2002
5.	Fuziah bt. Abd. Ghani	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (N7)	1.11.2001
6.	Hawani bt. Khalid	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (N7)	1.11.2001
7.	Mohd Roslan bin Salleh	Pemandu (R10)	16.1.2002
8.	Meor Hazrul Effendy bin Meor Hassan Bakry	Pemandu (R10)	5.2.2002
9.	Aida bt. Abdul Wahab	Pen. Pegawai Tadbir N6 (Perkhidmatan)	1.3.2002
10.	Daut bin Abu	Pen. Pegawai Tadbir N6 (Pentadbiran)	16.3.2002
11.	Rohani bt. Saman	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (N7)	1.4.2002
12.	Normah bt. Baba	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (N7)	1.4.2002
13.	Azlina bt. Osman	Pen. Peg. Sistem Maklumat F5 (Skim Sangkut)	5.4.2002
14.	Rasli bin Ramlan	Pen. Peg. Sistem Maklumat F5 (Skim Sangkut)	5.4.2002
15.	Kamariah bt. Zainal	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (N7)	11.4.2002
16.	Sharifah bt. Awi	Peg. Sistem Maklumat ICT F3	16.4.2002
17.	Ashraf bin Mohamad (bertukar ke Parlimen pada bulan Jun kerana kenaikan pangkat ke Gred N7)	Pembantu Tadbir (P/O) N9	16.5.2002
18.	Noor Huda bt. Roslan	Pegawai Syariah Caw. Penyelidik (L3)	16.5.2002
19.	Sofian bt. Hj. Ahmad	Pegawai Syariah Caw. Penyelidik (L3)	16.5.2002
20.	Mohamad Zamri bin Roslan	Pegawai Syariah Caw. Penyelidik (L3)	16.5.2002
21.	Yuhanis bt. Yusof	Pegawai Syariah Penyelidik Hakim Rayuan (L3)	16.5.2002

BIL	NAMA	JAWATAN DI JKSM	TARIKH LAPOR DIRI
22.	Wan Aizaa bt. Wan Abdullah	Pegawai Syariah Penyelidik Hakim Rayuan (L3)	16.5.2002
23.	Ghazali b. Ahmad	Pegawai Syariah Penyelidik Hakim Rayuan (L3)	16.5.2002
24.	Mazlina bt. Hussain	Pegawai Syariah Penyelidik Hakim Rayuan (L3)	16.5.2002
25.	Jazilah bt. Mohd Saad @ Mat Saud	Pegawai Syariah Caw. Latihan (L3)	16.5.2002
26.	Abdul Ghani bin Kifle	Pegawai Syariah Caw. Pendaftaran Kes (L3)	16.5.2002
27.	Salwani bt. Hj. Ahmad	Pegawai Syariah Caw. ICT (L3)	19.5.2002
28.	Ainul Ridzwan bin Zainuddin	Pegawai Tadbir & Diplomatik Caw. Pentadbiran (M3)	3.6.2002
29.	Zairol Azman bin Abdul Hamid	Pemandu (R10)	10.6.2002
30.	Hamidah bt. Sudar	Pem. Tadbir Rendah (Operator Telefon) N11	11.6.2002
31.	Rubiatul Adawiyah bt. Othman	Pembantu Tadbir P/O (N9)	10.6.2002
32.	Noor Aimi bt. Jamaluddin	Pembantu Tadbir P/O (N9)	10.6.2002
33.	Mon bt. Hussin	Pembantu Tadbir P/O (N9)	17.6.2002
34.	Abd. Shukor bin Jaafar	Pembantu Tadbir Rendah (Operator Telefon) N11	11.6.2002
35.	Mohd Nasir bin Abdul Majid	Pengarah Caw. Penyelidikan (L2)	16.6.2002
36.	Mohamad Tawadz'o bin Abbas	Pengarah Caw. Pusat Sumber (L2)	16.6.2002
37.	Haji Abdul Walid bin Haji Abu Hassan	Pegawai Penyelidik Kanan (L2)	16.6.2002
38.	Julainai bin Mohamed Taib Taral	Pembantu Tadbir Kanan N7	1.7.2002
39.	Hayati bt. Ibrahim	Pembantu Tadbir Kanan N7	1.7.2002
40.	Juraini bt. Musa	Juruteknik Komputer FT 7	1.7.2002
41.	Munah bt. Mat Dali	Pembantu Perpustakaan S7	1.7.2002
42.	Shahrom bt. Saidin	Pembantu Tadbir (P/O) N9	16.7.2002

**SENARAI PERTUKARAN & PENEMPATAN  
PEGAWAI SYARIAH TAHUN 2002 (JAN - JULAI)**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>JAWATAN / JABATAN DAHULU</b>	<b>TEMPAT BERTUGAS YANG BARU</b>	<b>TARIKH LAPOR DIRI</b>
1.	Abdul Aziz bin Mahsuri (Kenaikan pangkat)	Ketua Pendakwa Syarie W.P.	Timbalan Pengarah II BBG (Gred L1)	1.6.2002
2.	Mahamad bin Ibrahim	Timbalan Pengarah BBG	Pendaftar JKSM (menanggung kerja Ketua Pendaftar JKSM)	1.6.2002
3.	Saarani bin Ismail (Kenaikan pangkat)	Peguam Syarie BBG Kedah	Ketua Pendakwa Syarie W.P (Gred L2)	16.6.2002
4.	Mohamad bin Hj. Abdullah (Kenaikan pangkat)	Ketua Pendaftar JKSM	Hakim Mahkamah Tinggi Melaka (Gred L2)	16.6.2002
5.	Mohd Amran bin Mat Zain	Pendaftar JKSM	Hakim Mahkamah Rendah Syariah W.P.	16.6.2002
6.	Mohd Nasir bin Abdul Majid (Kenaikan pangkat)	Hakim Mahkamah Rendah Syariah W.P.	Pengarah, Caw. Penyelidikan JKSM (Gred L2)	16.6.2002
7.	Mohamad Tawadz'o bin Abbas (Kenaikan pangkat)	Ketua Pendaftar MSWP	Pengarah, Caw. Pusat Sumber JKSM (Gred L2)	16.6.2002
8.	Hj. Abdul Walid bin Hj. Abu Hassan (Kenaikan pangkat)	Ketua Pendaftar JKS P. Pinang	Pegawai Penyelidik Kanan Kepada Ketua Pengarah JKSM (Gred L2)	16.6.2002
9.	Othman bin Ibrahim (Kenaikan pangkat)	Hakim Mahkamah Rendah Syariah P. Pinang	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah P. Pinang	16.6.2002
10.	Hj. Abdullah bin Hj. Ismail (Kenaikan pangkat)	Hakim Mahkamah Rendah Syariah P. Pinang	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah P. Pinang	16.6.2002
11.	Wan Mahyuddin b. Wan Muhamad	Lantikan Baru	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor	3.6.2002
12.	Salehan bin Yatim	Lantikan Baru	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor	3.6.2002
13.	Nik Asrulnizam bin Mustapha	Lantikan Baru	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor	3.6.2002
14.	Kairul Anuar bin Ahmad	Lantikan Baru	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor	3.6.2002
15.	Mohamad Fauzi bin Ismail	Lantikan Baru	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Selangor	3.6.2002
16.	Mamat Haizan bin Salleh	Lantikan Baru	Peguam Syarie BBG Sarawak	


### JASAMU DIKENANG

#### Berita Kematian Warga JKSM



Pada tarikh 7 Februari, 2002 JKSM telah kehilangan seorang kakitangan yang begitu dedikasi iaitu Encik Alias bin Hashim, Pembantu Am Rendah yang telah meninggal dunia di Hospital Putrajaya pada jam 3.40 petang disebabkan sakit asma. Beliau merupakan salah seorang kakitangan yang paling awal bertugas di JKSM pada awal penubuhan tahun 1998. Beliau telah meninggalkan seorang balu dan 4 orang anak. Beliau amat disenangi oleh semua pegawai dan kakitangan JKSM kerana sifatnya yang mudah membantu. Buletin JKSM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga Allahyarham dan mendoakan semoga rohnya ditempatkan di sisi orang-orang yang soleh. Amin.

#### Majlis Perpisahan Warga JKSM



Pada 17 Jun, 2002 yang lalu, sebuah Majlis perpisahan telah diadakan di JKSM bersempena pertukaran dua pegawai JKSM ke Jabatan lain iaitu Y.A. Tuan Mohamad bin Haji Abdullah, Ketua Pendaftar JKSM telah bertukar ke Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka ekoran kenaikan pangkat selaku Hakim Mahkamah Tinggi di Melaka manakala Tuan Mohd Amran bin Mat Zain, Pendaftar JKSM bertukar ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaku Hakim. Seluruh warga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta penghargaan di atas sumbangan bakti yang telah mereka curahkan kepada organisasi JKSM sebelumnya. Tahniah dan terima kasih.

## WARGA JKSM PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2001



Sukacita dimaklumkan bahawa seorang warga JKSM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2001. Beliau yang dimaksudkan adalah Puan Noor Fazlida binti Hamdan, Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) di Cawangan Pentadbiran JKSM. Beliau mula berkhidmat sejak daripada tarikh 22 Februari, 1997 di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri. Kemudian pada akhir tahun 1998, beliau telah bertugas di Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Jabatan Perdana Menteri sebelum bertukar ke JKSM pada tarikh 2 Mac, 1999 dan merupakan salah seorang warga kerja JKSM yang paling awal berkhidmat di awal penubuhan JKSM. Berasal daripada Kuala Lumpur kini mempunyai seorang cahayamata. Hasil daripada kegigihan beliau dalam melaksanakan tugas di samping mudah membantu rakan-rakan lain dalam kerja akhirnya beliau telah dipilih bagi menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada bulan Julai yang lalu. Buletin JKSM mengucapkan tahniah dan syabas!.

## SELEMBAR DARI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI

### MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA: JAYAKAN KONSEP PENGURUSAN STRATEGIK



Mahkamah Syariah Negeri Melaka (MSNM) merupakan salah sebuah organisasi institusi kehakiman syariah negeri yang turut serta dalam penyertaan Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan dengan lima buah negeri yang lain. Ia ditubuhkan melalui peruntukan Seksyen 39 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1959. Sejak awal penubuhannya sehingga tahun 1989, MSNM terletak di bawah pentadbiran dan kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM). Mulai tahun 1990 ia telah diasingkan daripada pentadbiran JAIM dan beroperasi sendiri di Bangunan Majlis Agama Islam di Jalan Tengkera dan kemudian berpindah ke bangunan Merak di Jalan Kota, kemudiannya pula di Jalan Kee Ann. Pada tahun 1995, MSNM telah berpindah sekali lagi ke Kompleks Mahkamah Negeri Melaka, Leboh Ayer Keroh sehingga sekarang.

# SELEMBAR DARI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI

## MISI MSNM

Melaksanakan pengadilan pengurusan Mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara profesional, berkesan dan sistematik berasaskan peruntukan undang-undang Islam untuk mencapai keredhaan Allah S.W.T.

## VISI MSNM

Menjadi Institusi Kehakiman Syariah Yang Berwibawa

## DASAR KUALITI MSNM

Mahkamah Syariah Negeri Melaka beriltizam, komited dan efisyen dalam perkhidmatan dengan memberi kepuasan hati pelanggan:

- > Pelanggan luaran dan dalaman
- > Pada setiap perkhidmatan
- > Setiap masa

## PEGAWAI KEHAKIMAN MSNM

1. Tuan Mohamad b. Hj. Abdullah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
2. Tuan Mohammad Adib b. Hussain, Hakim Mahkamah Rendah Syariah
3. Tuan Mohamad Khalid b. Shaee, Hakim Mahkamah Rendah Syariah
4. Tuan Mawardi b. Che Man, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah

## LAPORAN STATISTIK KES DI MSNM TAHUN 2001

Mahkamah	Baki 2000	Daftar 2001	Selesai	Dalam Prosiding
Mahkamah Rayuan	-	-	-	-
Mahkamah Tinggi	58	116	104	70
Mahkamah Rendah	215	2271	1727	759

MS ISO 9002 MSNM  
(Pengurusan Kes Mal)  
Telah dipersijilkan pada 18 Mac, 2002

# RENCANA

## KONSEP KEJAYAAN DALAM ISLAM

Oleh: Azmee Haji Hussin

Kejayaan merupakan tumpuan sasaran kepada manusia di dalam amalnya. Setiap orang yang bekerja, berusaha dan beramal mengarapkan kejayaan. Tidak kira samada kerja yang diamal itu mempunyai nilai yang baik atau buruk dari segi undang-undang dan agama. Malah kejayaan itu selalunya dinilai dari segi kepentingan individu yang melakukan kerja dan amal itu. Kejayaan adalah hasil daripada kesungguhan dan ketekunan seseorang. Oleh kerana itu, Nabi Muhammad s.a.w. menerangkan bahawa Allah dan Rasul-Nya suka melihat seseorang apabila bekerja dia bersungguh-sungguh bekerja dan beramal itu diiringi kejayaan sebagai hasil daripada kesungguhan itu.

### CIRI-CIRI KEBAHAGIAAN

Orang yang berjaya ialah orang yang selamat mencapai cita-cita dan kebaikan. Daripada pengertian ini dapat difahamkan bahawa penentuan kejayaan bukan hanya berjaya mencapai cita-cita akan tetapi berjaya memperolehi keselamatan dan kebaikan. Kejayaan yang sebenar dalam kaedah Islam ialah kejayaan yang akan membawa seseorang itu kepada sifat yang lebih tinggi nilainya iaitu kebahagiaan. Ini bererti bahawa kejayaan yang tidak dapat menimbulkan rasa bahagia bagi pengusahanya adalah kejayaan yang sia-sia belaka dan tidak berharga.

### CARA MENDAPAT KEJAYAAN

Manusia yang telah dicipta dan dilahirkan dengan berbekalkan perasaan ingin memiliki telah menggunakan kemahuan itu untuk terus bercita-cita mencapai kejayaan demi kejayaan di dalam hidup. Maka lahirlah usaha demi usaha yang dilakukan untuk tujuan itu. Antaranya untuk menemui kejayaan itu dengan selamat dan tidak kurang pula yang kecundang disebabkan tidak memenuhi prasyarat yang lazim untuk mendapatkannya. Namun begitu, manusia juga mempunyai sifat tidak pernah puas dengan pencapaian yang diperolehi. Suatu perkara yang tidak harus dilupakan oleh semua manusia ialah

manusia boleh bercita-cita dan boleh pula berusaha semampu mungkin, tetapi untuk menjayakan cita-cita dan usaha itu bukan urusan mereka. Semuanya itu adalah urusan Allah S.W.T. Hal ini ditegaskan oleh Allah S.W.T. dalam Surah at-Takwir ayat 20 yang maksudnya: "Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatu pun) kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah. Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam".

### KEJAYAAN HIDUP DALAM ISLAM

Allah S.W.T. telah memberikan bayangan tentang prasyarat yang harus ada pada diri seseorang itu untuk menjadi seorang yang berjaya dalam hidupnya sama di dunia atau di akhirat. Allah menjelaskan dalam al-Qur'an dalam Surah at-Taubah ayat 20 yang maksudnya "Mereka yang beriman, berhijrah ke jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka adalah orang yang tinggi darjatnya di sisi Allah. Mereka inilah orang yang berjaya".

Manakala sifat syukur terhadap nikmat kejayaan pula akan menjamin kejayaan yang berterusan. Kejayaan yang tidak diikuti dengan rasa syukur akan mendedahkan manusia kepada sifat tamak dan haloba, takut berkorban dan seterusnya manusia takutkan mati. Kejayaan yang didapatinya tidak akan membawa kebahagiaan malah penderitaan dan kesengsaraan di atas muka bumi lagi. Pada masa sekarang ini juga kita pernah mendengar pengakuan beberapa orang yang diketahui berjaya dalam berbagai-bagai lapangan hidup akan tetapi gagal dalam rumah tangganya. Sebenarnya, kehidupan mereka itu jauh daripada kebahagiaan yang sebenar. Contoh yang paling dekat dengan kita adalah perceraian dalam sesebuah keluarga. Kejayaan kerjaya yang diiringi dengan keruntuhannya rumah tangga mereka yang merupakan amanah Allah S.W.T. terhadap mereka telah banyak berlaku kini. Mereka yang sebegini, tidak boleh dianggap berjaya dalam Islam kerana di antara ciri-ciri orang yang berjaya dalam Islam adalah menyempurnakan amanah lebih-lebih lagi amanah Allah S.W.T. Wallahu 'alam.